Magical Capital Sdn Bhd lwn Syarikat Galian Razak Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO 22NCVC-322–03 TAHUN 2012
TENGKU MAIMUN H
25 JUN 2012

Kontrak — Kemungkiran — Tuntutan atas kerja-kerja disiapkan — Peringatan sebanyak tujuh kali — Sama ada kerja-kerja adalah kerja yang berlainan daripada item atau sebaliknya — Sama ada kerja-kerja plaintif termasuk dalam 'volume calculation' atau tidak — Sama ada pembayaran sebenarnya telah dibuat

Plaintif adalah subkontraktor defendan untuk kerja-kerja tanah bagi sebuah projek. Menurut *bill of quantity* ('BQ'), harga bagi item A adalah RM3.70 setiap unit manakala bagi item D ialah RM8 seunit dan ukuran unit adalah cubic meter. Selepas surat setuju terima tender, melalui *Variation Order No 2*, terdapat perubahan pada BQ item D iaitu pada skop kerja. Harga juga turut diubah daripada RM8 kepada RM3.70 seunit. Plaintif telah menyelesaikan kerja-kerja tanah di bawah kontrak kecil yang mana Juruukur Jaz yang dilantik oleh defendan telah menyiapkan laporan as built bagi kedua-dua item A dan D. Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah RM958,536.53 bagi kerja-kerja tanah *borrow pit* dan Blok P di bawah BQ item D yang diubah (variation order) di mana plaintif mengatakan bahawa ia masih belum menerima pembayaran daripada defendan. Plaintif telah menyerahkan tuntutan berkenaan kerja tanah *borrow pit* dan Blok P kepada defendan diikuti dengan peringatan sebanyak tujuh kali. Dalam pembelaannya, defendan menyatakan bahawa tiada kerja tanah yang dilakukan oleh plaintif dalam skop BQ item D di mana tuntutan plaintif hanya melibatkan kerja tanah dalam kategori item A; bahawa kerja-kerja tanah di bawah skop BQ item D tidak wujud kerana tiada kerja-kerja yang dilakukan oleh plaintif yang tergolong dalam definisi *contractor's own source* seperti dinyatakan dalam BQ item D kerana segala sumber tanah datang daripada defendan dan oleh sebab itu plaintif telah bersetuju dengan kadar RM3.70 dan bukannya RM8; bahawa Juruukur Jaz yang dilantik oleh defendan telah memperakukan *volume calculation* untuk kerja-kerja tanah sebanyak 656,732 meter padu dan daripada jumlah ini, sebanyak 248,206 meter padu adalah untuk kerja *borrow pit* dan Blok P. Berdasarkan ukuran Juruukur Jaz, defendan mengatakan segala kerja-kerja tanah yang dilakukan oleh plaintif telah disatukan di bawah item A dan telah dibayar melalui sijil pembayaran No 1 hingga No 16 yang keseluruhannya berjumlah RM2,580,983.69. Justeru, defendan mengatakan tiada lagi jumlah terhutang oleh defendan kepada plaintif. Isu-isu yang timbul adalah sama ada kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P di bawah *variation order* adalah kerja yang berlainan daripada item A atau sebaliknya; sama ada

kerja-kerja plaintif untuk *borrow pit* dan Blok P adalah termasuk dalam *volume calculation* berjumlah 656,732 meter padu atau tidak; dan sama ada pembayaran untuk *borrow pit* dan Blok P telah sebenarnya dibuat oleh defendan kepada plaintif.

Diputuskan, membenarkan tuntutan:

(1) Saksi-saksi defendan cuba mengelak daripada isu sebenar dan gagal merujuk kepada dokumen *Variation Order No 2* yang disediakan oleh pihak mereka yang menjadi asas tuntutan plaintif. Keterangan saksi-saksi defendan adalah juga tidak konsisten dengan penyata pembelaan dan tidak disokong oleh dokumen semasa dan ini menjadikan keterangan mereka mempunyai nilai yang kurang. Apa yang defendan gagal nyatakan atau jelaskan kepada mahkamah ialah bahawa terdapat perbezaan pada BQ item A dan BQ item D. Di bawah item A, skop kerja adalah bagi kawasan dalam tapak projek, manakala skop kerja di bawah item D adalah berkaitan kawasan di luar tapak projek (lihat perenggan 14 & 25).

(2) Walaupun plaintif telah mengemukakan tuntutan untuk *borrow pit* dan Blok P sebanyak lapan kali, tidak terdapat sebarang dokumen semasa yang menunjukkan bahawa plaintif telah pada bila-bila masa dimaklumkan bahawa tuntutannya telah disatukan dan dibayar di bawah sijil No 1 hingga 16 atau bahawa tuntutan plaintif itu adalah tuntutan berganda (lihat perenggan 22).

(3) Juruukur Jaz yang menyediakan laporan *as built* iaitu Koh Oie Wah walaupun disenaraikan sebagai saksi defendan, tidak hadir memberi keterangan dan tiada penjelasan diberikan kepada mahkamah kenapa dia gagal hadir. Koh Oie Wah adalah saksi yang material kerana defendan bergantung kepada laporannya di eksh P11 mengenai *volume calculation* bagi kerja di dalam kawasan tapak untuk menegaskan bahawa ia termasuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P. Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai terhadap defendan (lihat perenggan 29–31).

(4) Wujud tiga laporan yang berbeza. Defendan sendiri bersetuju bahawa setiap item dalam BQ adalah eksklusif dan kontrak tidak menyatakan pembayaran di bawah item yang berbeza boleh disatukan. Oleh itu kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P adalah kerja yang berlainan dan berasingan daripada BQ item A dan tidak timbul soal pembayarannya disatukan dengan item A. Defendan gagal membuktikan kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P adalah termasuk dalam *volume calculation* sebanyak 656,732 meter padu dan gagal membuktikan pembayaran untuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P yang merupakan BQ item D telah dijelaskan kepada plaintif (lihat perenggan 36–37).

[English summary

The plaintiff was the defendant's subcontractor for land works for a project. By virtue of the bill of quantity ('BQ'), the price for item A was RM3.70 per unit while for item D, RM8 per unit and the unit measurement was in cubic meter. After the letter of acceptance of tender, via Variation Order No 2, there was a change in BQ item D, which was the work scope. The price was also changed from RM8 to RM3.70 per unit. The plaintiff had completed land works under the subcontract where Juruukur Jaz was appointed by the defendant to complete the as built report for both items A and D. The plaintiff's claim against the defendant was RM958,536.53 for the borrow pit land works and Block P pursuant to BQ item D which was varied (variation order) where the plaintiff stated that it had not received any payment from the defendant. The plaintiff had submitted claims pertaining the borrow pit land works and Block P to the defendant followed by seven reminders. In its defence, the defendant contended that there were no land works completed by the plaintiff within the scope of BQ item D where the plaintiff's claim only involved land works under the category of item A; that the land works under the scope of BQ item D did not exist as there were no works done by the plaintiff under the definition contractor's own source as stipulated by BQ item D since all land resources came from the defendant and therefore, the plaintiff agreed with the rate of RM3.70 and not RM8; that Juruukur Jaz which was appointed by the defendant had acknowledged volume calculation for land works for 656,732 cubic meter and from this amount, 248,206 cubic meter was for borrow pit and Block P works. Based on the measurements by Juruukur Jaz, the defendant submitted that all land works carried out by the plaintiff had been consolidated under item A and had been paid via certificate of payment No 1 till No 16 which in total amounted to RM2,580,983.69. Hence, the defendant contended that there were no more monies owed by the defendant to the plaintiff. The issues that arose were whether the borrow pit and Block P works under variation order was a work different from item A or otherwise; whether the plaintiff's works for the borrow pit and Block P was included under volume calculation amounting to 656,732 cubic meter or not; and whether the payment for the borrow pit and Block P had actually been made by the defendant to the plaintiff.

Held, allowing the claim:

(1) The defendant's witnesses tried to avert from the real issue and failed to refer Variation Order No 2 document prepared by them which was the foundation of the plaintiff's claim. The defendant's witnesses' evidence was also inconsistent with the statement of defence and was not corroborated by contemporaneous documents and this caused their evidence to have lesser probative value. What the defendant failed to submit or clarify to the court was whether there was difference to BQ item A and BQ item D. Under item A, the work scope was for the vicinity

in the project site while the work scope under item D was in relation to the vicinity outside the project site (see paras 14 & 25).

(2) Although the plaintiff had submitted claim for borrow pit and Block P eight times, there was no contemporaneous document which showed that the plaintiff was at any time informed that its claim had been consolidated and paid under certificate No 1 until 16 or that the plaintiff's claim was a multiple claim (see para 22).

(3) Juruukur Jaz who had prepared the as built report, Koh Oie Wah, even though had been listed as the defendant's witness, was not present to give evidence and no explanation was given to the court as to why he failed to be present. Koh Oie Wah was a material witness as the defendant relied on his report in exh P11 regarding the volume calculation for the work in the project site to emphasise that it involved borrow pit and Block P works. Section 114(g) of the Evidence Act 1950 was applicable to the defendant (see paras 29–31).

(4) There were three different reports. The defendant agreed that each item in BQ was exclusive and the contract did not state the payment under different items could be consolidated. Therefore, borrow pit and Block P works were different and separated works from BQ item A and hence, the issue of consolidating payment with item A did not arise. The defendant failed to prove that borrow pit and Block P works were included in the volume calculation in the amount of 656,732 cubic meter and failed to prove payment for borrow pit and Block P works which were BQ item D, had been paid by the plaintiff (see paras 36–37).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan atas kerja-kerja disiapkan, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 3161–3162.

Kes-kes yang dirujuk

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

Yeo Liong Ho v Loh Choon Hoi [2010] 1 MLJ 838; [2010] 2 CLJ 580, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)

MT Koh (KH Yeap bersamanya) (Koh & Partners) bagi pihak plaintif.
Azlan Kamis (Raja Ismail & Amril Ghazaly) bagi pihak defendan.

Tengku Maimun H:

LATAR BELAKANG KES

[1] Plaintif adalah subkontraktor defendan untuk kerja-kerja tanah bagi

projek yang dikenali sebagai 'Cadangan Menaiktaraf Dengan Meroboh dan Membina Semula Kem Batalion & Pasukan Gerak Am Bidor Polis Diraja di atas Lot 71999, Mukim Batang Padang, Perak Darul Ridzuan'.

[2] Mengikut tender plaintif yang telah diterima oleh defendan, kontrak kecil di antara plaintif dan defendan untuk kerja-kerja tanah adalah dilaksanakan melalui dua cara sebagaimana dinyatakan di dalam *Bill of Quantity* ('BQ') iaitu:

(a) BQ REF PAGE/ITEM E1/E/4/A (Item A)- *general earthwork including cutting and filling of earth from area of cut within the site of package 2, load, transport, deposit, spread, leveled and well compacted in layers not exceeding 225mm thick as described to area of filling within the site to the required level including double handling and moving around the site as instructed by the SO (works inclusive excavate for earth drain)*; dan

(b) BQ REF PAGE/ITEM E1/E/4/D (item D) - *earth filling to area of fill with suitable earth obtained from contractor's own source*.

[3] Mengikut BQ tersebut, harga bagi item A adalah RM3.70 setiap unit manakala bagi item D harga yang dipersetujui ialah RM8 seunit. Ukuran unit adalah *cubic meter*.

[4] Selepas surat setuju terima tender, melalui *variation order no* 2, terdapat perubahan pada BQ item D iaitu daripada skop kerja *earth filling to area of fill with suitable earth obtained from contractor's own source* kepada *earth filling to area of fill with suitable earth obtained from other source*. Harga juga turut diubah daripada RM8 kepada RM3.70 seunit.

[5] Plaintif telah menyelesaikan kerja-kerja tanah di bawah kontrak kecil yang mana Juruukur Jaz yang dilantik oleh defendan telah menyiapkan laporan *as built* bagi kedua-dua item A dan D.

KES PLAINTIF

[6] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk RM958,536.53 bagi kerja-kerja tanah *borrow pit* dan Blok P di bawah BQ item D yang diubah (*variation order*) di mana plaintif mengatakan bahawa ia masih belum menerima pembayaran daripada defendan.

[7] Plaintif telah menyerahkan tuntutan berkenaan kerja tanah *borrow pit* dan Blok P itu kepada defendan pada atau sekitar 20 Julai 2010 diikuti dengan peringatan sebanyak tujuh kali antara bulan Ogos 2010–Julai 2011.

[8] Plaintif juga melalui surat peguamcaranya bertarikh 30 Jun 2011 menuntut daripada defendan jumlah RM958,536.53 tersebut. Oleh kerana tiada bayaran diterima, plaintif pada 21 Oktober 2011 memfailkan petisyen penggulungan terhadap defendan.

[9] Petisyen penggulungan telah ditangguh sementara menanti penyelesaian guaman sivil ini.

KES DEFENDAN

[10] Di dalam penyata pembelaan, defendan menyatakan bahawa tiada kerja tanah yang dilakukan oleh plaintif di dalam skop BQ item D di mana tuntutan plaintif hanya melibatkan kerja tanah di dalam kategori item A; bahawa kerja-kerja tanah di bawah skop BQ item D tidak wujud kerana tiada kerja-kerja yang dilakukan oleh plaintif yang tergolong di dalam definisi 'contractor's own source' seperti dinyatakan di dalam BQ item D kerana segala sumber tanah datangnya daripada defendan dan oleh sebab itu plaintif telah bersetuju dengan kadar RM3.70 dan bukannya RM8; bahawa Juruukur Jaz yang dilantik oleh defendan telah memperakukan *volume calculation* untuk kerja-kerja tanah sebanyak 656,732 *cubic meter* dan dari jumlah ini sebanyak 248,206 cubic meter adalah untuk kerja *borrow pit* dan Blok P.

[11] Berdasarkan ukuran Juruukur Jaz, defendan mengatakan segala kerja-kerja tanah yang dilakukan oleh plaintif telah disatukan di bawah item A dan telah dibayar melalui sijil pembayaran nos 1–16 yang keseluruhannya berjumlah RM2,580,983.69. Justeru defendan mengatakan tiada lagi jumlah terhutang oleh defendan kepada plaintif.

KEPUTUSAN

[12] Tuntutan plaintif boleh diputuskan dengan menjawab isu-isu berikut:

(a) sama ada kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P di bawah *variation order* itu adalah kerja yang berlainan (*separate and distinct*) daripada item A atau sebaliknya;

(b) sama ada kerja-kerja plaintif untuk *borrow pit* dan Blok P adalah termasuk di dalam *volume calculation* berjumlah 656,732 cubic meter atau tidak; dan

(c) sama ada pembayaran untuk *borrow pit* dan Blok P telah sebenarnya dibuat oleh defendan kepada plaintif.

[13] Saya tidak berhasrat untuk mengulang kembali di dalam alasan penghakiman ini apakah keterangan saksi plaintif ('SP1') dan saksi-saksi

defendan ('SD1' dan 'SD2'). Memadai bagi saya menyatakan bahawa saya dapati SP1 sebagai seorang saksi yang jujur di mana pendirian atau keterangannya adalah konsisten sepanjang memberi keterangan dan konsisten pula dengan dokumen semasa.

[14] Sebaliknya, saya dapati saksi-saksi defendan cuba mengelak daripada isu sebenar. SD1 dan SD2 gagal merujuk kepada dokumen *Variation Order No* 2 yang disediakan oleh pihak mereka yang menjadi asas tuntutan plaintif. Keterangan saksi-saksi defendan adalah juga tidak konsisten dengan penyata pembelaan dan tidak disokong oleh dokumen semasa dan ini menjadikan keterangan mereka mempunyai nilai yang kurang (lihat *Yeo Liong Ho v Loh Choon Hoi* [2010] 1 MLJ 838; [2010] 2 CLJ 580).

[15] Sebagai contoh, defendan di dalam perenggan 5 penyata pembelaan mengakui terdapatnya laporan *as built* oleh Juruukur Jaz bagi *borrow pit* dan Blok P, tetapi SD1 di dalam keterangannya mengatakan bahawa untuk Blok P dan *borrow pit* bukan *as built.*

[16] SD1 apabila ditanya sama ada tuntutan plaintif untuk *borrow pit* dan Blok P yang dikemukakan sebanyak lapan kali dilayan, menyatakan bahawa defendan terpaksa melihat keseluruhan kerja-kerja dan melihat *as built* dan bahawa tuntutan plaintif *premature*.

[17] Saya dapati jawapan SD1 ini tidak jujur kerana *as built* yang disediakan oleh Juruukur Jaz adalah bertarikh Mei 2010 sedangkan tuntutan plaintif pertama kali dikemukakan kepada defendan pada bulan Julai 2010. Malahan apabila fakta ini dimajukan kepada SD1 oleh peguamcara bijaksana plaintif dan SD1 diminta memberi penjelasan, SD1 hanya berdiam diri.

[18] Di dalam perenggan 10 penyata pembelaan, defendan menegaskan bahawa defendan tidak pernah cuai atau gagal menjelaskan pembayaran kepada plaintif bagi kerja-kerja yang telah dilakukan; bahawa plaintif membuat tuntutan berganda dan bahawa defendan melalui surat peguamcaranya bertarikh 20 Februari 2012 memanggil pihak plaintif untuk berbincang dan menyelesaikan tuntutan plaintif.

[19] Surat yang dikeluarkan oleh peguamcara defendan untuk berbincang dengan plaintif sebagaimana diplid di penyata pembelaan adalah dikeluarkan selepas pemfailan petisyen penggulungan dan surat tersebut juga tidak menyebut bahawa plaintif telah dibayar di bawah item A atau bahawa tuntutan plaintif adalah tuntutan berganda.

[20] SD2 pula di dalam keterangannya menyatakan plaintif bersetuju

kepada pembayaran di bawah sijil nos 1–16 dan tidak membuat apa-apa komen mengenai ketiadaan bayaran untuk *borrow pit* dan Blok P.

[21] Keterangan SD2 ini bercanggah dengan dokumen semasa yang menunjukkan plaintif telah mengemukakan tuntutan untuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P kepada defendan sebanyak lapan kali dan tuntutan-tuntutan plaintif diterima oleh defendan dengan defendan meletakkan cop syarikat defendan pada tuntutan-tuntutan plaintif tersebut. Ini juga menunjukkan pengataan SD2 bahawa tiada komen daripada plaintif mengenai ketiadaan bayaran untuk *borrow pit* dan Blok P tidak bermerit dan tanpa asas.

[22] Seterusnya juga, walaupun plaintif telah mengemukakan tuntutan untuk *borrow pit* dan Blok P sebanyak lapan kali, tidak terdapat sebarang dokumen semasa yang menunjukkan bahawa plaintif telah pada bila-bila masa dimaklumkan bahawa tuntutannya yang tersebut telah disatukan dan dibayar di bawah sijil nos 1–16 atau bahawa tuntutan plaintif itu adalah tuntutan berganda.

[23] Malahan SD2 melalui surat bertarikh 6 Julai 2011 yang menjawab surat peguamcara plaintif juga tidak menyebut bahawa tuntutan plaintif untuk *borrow pit* dan Blok P telah dibayar. Apa yang dikatakan oleh SD2 ialah '… kami tidak menerima tuntutan yang berkaitan daripada pihak tuan untuk kerja-kerja tersebut …'.

[24] Defendan mengatakan bahawa kerja-kerja plaintif untuk *borrow pit* dan Blok P tidak termasuk di dalam item D kerana BQ item D menghendaki plaintif mengambil tanah daripada sumber plaintif sedangkan sebenarnya plaintif mengambil tanah daripada sumber defendan.

[25] Apa yang defendan gagal nyatakan atau jelaskan kepada mahkamah ialah bahawa terdapat perbezaan pada BQ item A dan BQ item D. Di bawah item A, skop kerja adalah bagi kawasan dalam tapak projek, manakala skop kerja di bawah item D adalah berkaitan kawasan di luar tapak projek.

[26] Perbezaan ini ketara daripada tiga laporan *as built* yang disediakan oleh Juruukur Jaz secara berasingan iaitu:

(a) laporan *as built* untuk Blok P (*outside*) (eksh P12);

(b) laporan *as built* untuk *borrow pit* (*outside*) (eksh P13); dan

(c) laporan *as built* untuk ukuran tanah di dalam kawasan tapak projek (eksh P11).

[27] Jika pengataan defendan bahawa tiada kerja-kerja untuk item D dijalankan oleh plaintif atau jika kerja-kerja bagi item D adalah sama dengan item A, kenapa perlu kepada laporan yang berbeza dan berasingan oleh Juruukur Jaz seperti di eksh P12 dan P13? A

[28] Merujuk kepada eksh P11, iaitu laporan *as built* bertarikh 14 Oktober 2011, SD1 menyatakan bahawa mengikut laporan *as built* itu, Juruukur Jaz telah mengesahkan bahawa *volume calculation* sebanyak 656,732 *cubic meter* adalah termasuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P. B

[29] Juruukur Jaz yang menyediakan laporan *as built* iaitu Koh Oie Wah walaupun disenaraikan sebagai saksi defendan, tidak hadir memberi keterangan dan tiada penjelasan diberikan kepada mahkamah kenapa dia gagal hadir. C

[30] Koh Oie Wah adalah saksi yang material kerana defendan bergantung kepada laporannya di eksh P11 mengenai *volume calculation* bagi kerja di dalam kawasan tapak untuk menegaskan bahawa ia termasuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P. D

[31] Dalam keadaan itu, saya bersetuju dengan hujahan peguamcara bijaksana pihak plaintif bahawa s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai terhadap defendan (lihat kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492). E

[32] Memandangkan yang tersebut dan memandangkan wujudnya laporan yang berbeza dan berasingan untuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P yang di luar kawasan tapak dan memandangkan *volume calculation* yang dirujuk oleh SD1 ialah untuk ukuran kerja-kerja dalam kawasan tapak, pengataan SD1 bahawa Juruukur Jaz mengesahkan *volume calculation* adalah termasuk *borrow pit* dan Blok P adalah pengataan kosong yang tidak disokong oleh sebarang keterangan, malah bercanggah dengan kewujudan eksh P12 dan P13. F G

[33] Seterusnya, SD1 di dalam pemeriksaan balas bersetuju bahawa item A dan item D adalah berbeza; bahawa item A dan D adalah eksklusif dan SD1 juga bersetuju bahawa dari segi kontrak, ia tidak membenarkan penyatuan pembayaran bagi kedua-dua item A dan D. H

[34] Keterangan SD1 di atas dengan sendirinya menunjukkan bahawa pengataaan defendan bahawa oleh kerana kadar bagi *borrow pit* dan blok P telah dipersetujui sebanyak RM3.70 seunit dan juga oleh kerana ciri kerja juga sama iaitu *cutting and filling*, maka kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P ini telah disatukan pembayarannya di dalam item A adalah tidak 'credible' dan tanpa asas. I

[35] Defendan juga mengatakan bahawa berdasarkan *volume calculation* oleh Juruukur Jaz, plaintif telah terlebih dibayar sebanyak RM151,074.70. Jika benar begitu dan mengambil kira jumlah RM151,074.70 bukanlah suatu amaun yang kecil, adalah menghairankan kenapa defendan tidak memfailkan tuntutan balas terhadap plaintif. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah bahawa sebenarnya tidak berlaku lebihan bayaran kepada plaintif.

[36] Berdasarkan perkara-perkara yang telah dinyatakan di atas, khususnya wujud tiga laporan yang berbeza dan persetujuan defendan sendiri bahawa setiap item di dalam BQ adalah eksklusif dan kontrak tidak menyatakan pembayaran di bawah item yang berbeza boleh disatukan, saya dapati kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P adalah kerja yang berlainan dan berasingan daripada BQ item A dan dengan demikian tidak timbul soal pembayarannya disatukan dengan item A.

[37] Saya juga dapati bahawa defendan gagal membuktikan kerja-kerja borrow pit dan Blok P adalah termasuk di dalam *volume calculation* sebanyak 656,732 *cubic meter* dan gagal membuktikan pembayaran untuk kerja-kerja *borrow pit* dan Blok P yang merupakan BQ item D telah dijelaskan kepada plaintif.

[38] Sedemikian, penghakiman dimasukkan terhadap defendan untuk RM958,536.53 dengan faedah pada kadar 4% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian dan kos.

Tuntutan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor